

## SIARAN AKHBAR

### RAMANAN UMUMKAN DANA TAMBAHAN RM6 JUTA KHUSUS UNTUK PERUSAHAAN KECIL MILIKAN USAHAWAN INDIA – I-BAP



YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (dua dari kanan) selepas mengumumkan peruntukan dana tambahan sebanyak RM6 juta khusus untuk Perusahaan Kecil milikan usahawan India yang akan dilaksanakan menerusi program sedia ada di bawah SME Corp. Malaysia yang dijenamakan sebagai Business Accelerator Programme for Indian Small Business (I-BAP). Turut kelihatan ialah Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia (dua dari kiri).

**KLANG, 27 September 2024** – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensinya SME Corp. Malaysia telah memperuntukkan dana tambahan RM6 juta khusus untuk Perusahaan Kecil milikan usahawan India. Peruntukan tambahan ini akan disalurkan menerusi program sedia ada yang dijenamakan sebagai *Business Accelerator Programme for Indian Small Business* atau I-BAP.

I-BAP menawarkan bantuan kewangan dalam bentuk geran padanan sehingga RM100,000 bagi tujuan meningkatkan kapasiti dan keupayaan serta prestasi perniagaan dan produktiviti PMKS. Ini merangkumi perbelanjaan untuk perolehan mesin dan peralatan bagi meningkatkan kualiti produk serta kecekapan pengeluaran, pensijilan produk, adaptasi ICT

dan eDagang, penerapan amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dan pelaksanaan kempen pemasaran serta promosi.

YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam sesi sidang media selepas lawatan ke salah satu syarikat penerima bantuan hari ini berkata, "Peruntukan khusus untuk Perusahaan Kecil milikan usahawan India melalui I-BAP ini adalah bertepatan mengambil kira kepentingan mereka dalam turut sama merealisasikan matlamat kerangka Ekonomi MADANI bagi mencapai pertumbuhan yang lebih saksama, inklusif dan mampan.

Kerajaan akan terus memberi sokongan dalam mengupayakan PMKS termasuklah Perusahaan Kecil milikan usahawan India agar dapat ditingkatkan lagi ke tahap yang lebih tinggi. Ini adalah selaras dengan komitmen dan usaha Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sentiasa mengutamakan kejayaan dan kemajuan komuniti India selaras gagasan Malaysia MADANI.

"Saya gembira melihat syarikat seperti Renewcell (M) Sdn. Bhd. yang saya lawati hari ini dapat memanfaatkan bantuan yang diberi dan berjaya mengeluarkan produk baharu mereka. Namun demikian, ingin saya ingatkan bahawa Perusahaan Kecil milikan usahawan India perlu cepat dalam merebut peluang yang ditawarkan menerusi program I-BAP ini kerana dana adalah terhad dan hanya permohonan yang memenuhi semua syarat kelayakan ditetapkan sahaja boleh dipertimbangkan. Bagi perbelanjaan yang tidak dapat dipertimbangkan di bawah I-BAP, PMKS juga mempunyai alternatif pembiayaan lain di bawah SME Corp. Malaysia".

Bagi Perusahaan Kecil milikan usahawan India yang ingin memohon bantuan di bawah I-BAP ini, syarikat perlu memiliki sekurang-kurangnya 60% ekuiti milikan India tempatan dengan jualan tahunan melebihi RM300,000 setahun dan telah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan serta mempunyai Sijil Akuan Status PMKS. Permohonan telah dipermudah dengan hanya perlu mengemukakan 5 dokumen sokongan asas iaitu:-

- i. sijil pendaftaran perniagaan;
- ii. lesen premis perniagaan;
- iii. penyata kewangan;
- iv. penyata bank; dan
- v. sebutharga berkaitan.

Tempoh pemprosesan hanya mengambil masa 14 hari bekerja, tertakluk kepada dokumen lengkap.

Sementara itu, Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia menyatakan, "Bagi tahun 2024, sehingga kini, sejumlah RM24.12 juta geran telah diluluskan kepada 197 syarikat di bawah *Business Accelerator Programme* (BAP). Daripada jumlah tersebut, RM1.07 juta telah diluluskan kepada 12 syarikat milikan India. Program BAP sememangnya berupaya memberikan impak yang signifikan kepada PMKS. Ini jelas dibuktikan melalui hasil Tinjauan PMKS 2024 di bawah RMKe-12 oleh SME Corp. Malaysia yang mendapati sehingga 73.1 peratus responden dalam kalangan PMKS penerima bantuan BAP berjaya meningkatkan kecekapan & produktiviti, 65.4 peratus meningkatkan hasil jualan & keuntungan manakala 30.8 peratus berupaya menambah bilangan pekerja. Di samping itu, syarikat juga berjaya mencatatkan peningkatan jualan tahunan sehingga 44.7 peratus dan 30.3 peratus dalam produktiviti".

Hadir sama adalah Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Mejar (B) Hj. Aziz bin Hj. Mohd Yassin, Pengerusi Renewcell (M) Sdn. Bhd. dan Encik Anandan Eahambram, Pengarah Urusan Renewcell (M) Sdn. Bhd. Maklumat lanjut mengenai I-BAP, sila layari laman sesawang [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my) dan permohonan secara dalam talian akan dibuka mulai 7 Oktober 2024.

**– TAMAT –**

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasi PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

### **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 603-9213 0077  
Faks : 603-2775 6001  
E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman sesawang: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**Pengarah**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)**  
Tel : 03-2775 6290  
E-mel : [suraini@smecorp.gov.my](mailto:suraini@smecorp.gov.my)